

BIL	NAMA JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
1.	Pembantu Keselamatan Gred KP1	2	<i>Contract Of Service</i>	RM1,500.00	RM4,680.00

* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

**1. PEMBANTU KESELAMATAN
GRED KP1**

[2 KEKOSONGAN]

SYARAT LANTIKAN

1.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00);
atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00);
atau
- (iii) Pesara anggota polis atau tentera yang sekurang-kurang berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00);
atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00);
atau

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00).

dan (b) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) Lelaki sahaja dan aktif bersukan;
- (ii) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (iii) Berat badan sekurang-kurang 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iv) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (v) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (vi) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vii) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (viii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 1.2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 13.1(a)(i), (ii), (iv) dan (v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.